



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**KESEDARAN BERZAKAT DAN BERSEDEKAH  
DI BULAN RAMADAN.**

**Siri: 19/2021**

**25 Ramadan 1442 H**

*Bersamaan*

**07 MEI 2021**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima.

Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ الصِّيَامَ وَزَكَاةَ الْفِطْرِ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ وَجَعَلَ فِيهِ لَيْلَةً خَيْرًا مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ . وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

### **Sidang Jumaat Yang dimuliakan Allah**

Saya menyeru kepada diri saya sendiri dan sidang hadirin sekalian, marilah sama-sama kita tingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

### **Sidang Jumaat Yang dirahmati Allah Sekalian.**

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan tajuk:

“KESEDARAN BERZAKAT DAN BERSEDEKAH DI BULAN RAMADAN.”

Salah satu pengajaran penting di bulan Ramadan adalah, menyemai dalam jiwa kita agar insaf terhadap nasib golongan fakir miskin, golongan yang ditimpa kesusahan serta prihatin terhadap kesengsaraan mereka. Sebagaimana kita sedia maklum, sejak awal tahun 2020 hingga sekarang, negara kita masih lagi dibelenggu isu pandemik Covid-19. Sehingga kini, jumlah kematian sudah mencecah 1400 lebih dengan sejumlah 400,000 pula telah dijangkiti. Selain kematian, implikasi pandemik turut memberi kesan ekonomi sehingga ramai yang

telah kehilangan pekerjaan dan memerlukan bantuan. Justeru, dalam situasi sebegini, menjadi kewajipan umat Islam untuk membantu golongan yang terkesan melalui zakat dan sedekah.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,**

Zakat dari sudut bahasa bermaksud bersih, subur dan berkat. Manakala dari sudut istilah syarak pula bermaksud, mengeluarkan sebahagian dari harta tertentu lalu diberikan kepada golongan tertentu dalam kalangan asnaf dengan mengikut syarat-syarat tertentu.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

“Ambilah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa dan akhlak yang buruk) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); serta doakanlah untuk mereka, (ini kerana) sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”.

Zakat yang diwajibkan dalam bulan Ramadan ini ialah zakat fitrah yang terletak di atas bahu setiap Muslim yang mempunyai lebih makanan atau harta daripada keperluan diri dan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya. Kewajipan ini juga tertanggung ke atas orang yang hidup di kala matahari terbenam pada hari akhir dalam bulan Ramadhan atau meninggal dunia selepas

terbenamnya matahari pada hari akhir dalam bulan Ramadhan. Begitu juga kanak-kanak yang dilahirkan sebelum matahari terbenam pada hari akhir dalam bulan Ramadan dan hidup selepas terbenamnya matahari, serta orang yang memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada hari akhir dalam bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.

Diberitakan dalam sebuah hadis bahawa Ibnu Abbas r.a berkata:

{فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ  
مِنَ اللُّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ ....} رواه أبو داود.

“Rasulullah s.a.w telah memfardhukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk mensucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin...” (HR Abu Daud)

Selain zakat fitrah, terdapat zakat harta yang diwajibkan ke atas umat Islam yang memiliki harta dan kekayaan. Ini termasuklah zakat emas dan perak, wang simpanan, barang-barang perniagaan, binatang ternakan, hasil pertanian, zakat pendapatan dan saham, zakat galian yang kesemuanya dikategorikan oleh para ulama sebagai zakat harta.

Dalam hal ini, Allah s.w.t telah menjanjikan ganjaran yang berlipat kali ganda kepada mereka yang menunaikan ibadah tersebut dan memberi amaran keras kepada golongan yang ingkar. Allah berfirman dalam surah al-Taubah: Ayat 34-35 :

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
 فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا  
 جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ  
 تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya :

“Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah (yakni berzakat), maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Pada hari itu, emas dan perak (harta benda yang mereka miliki ) akan dibakar di dalam api neraka lalu diselar ke dahi mereka, rusuk mereka dan di belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka), inilah harta benda yang kamu himpulkan untuk diri kamu sendiri. Oleh itu, rasakanlah azab-Ku yang amat pedih akibat dari apa yang kamu himpulkan.”

Imam Nawawi rahimahullah pernah menyebut dalam Syarah Muslim: “Sesiapa yang mengingkari kefardhuan berzakat pada masa ini, maka dia telah kafir dengan ijma’. Katanya lagi: ‘Begitulah hukumnya bagi orang yang mengingkari sesuatu perkara berkaitan agama yang telah disepakati oleh ulama”.

### **Sidang Jumaat Yang dimuliakan,**

Dalam konteks ini, mimbar Jumaat menyeru kepada saudara muslimin sekalian, agar bersegeralah menunaikan ibadah zakat harta melalui pusat-pusat zakat yang diluluskan oleh MAIDAM dan membayar zakat fitrah kepada amil-amil bertauliah yang dilantik.

Dalam konteks negeri Terengganu, Undang-undang Zakat dan Fitrah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (takzir) (Terengganu 2001) Seksyen 20 memperuntukkan: Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi – Enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah; atau Enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah melalui amil yang dilantik atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi 3 ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Manakala Seksyen 40 pula. Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi 3 ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Hal ini menunjukkan bahawa, pembayaran zakat melalui saluran yang betul bukan sahaja memberi kebaikan kepada pembayar, malah mampu memberi kemakmuran dan kesejahteraan kepada penerima zakat, masyarakat dan negara seluruhnya.

### **Sidang Jumaat yang dimulakan,**

Sebagaimana zakat, bersedekah juga dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan serta dapat mengeratkan silaturrahim. Jika melihat kepada situasi semasa hari ini, peluang untuk bersedekah itu amat mudah untuk kita laksanakan seperti menghulurkan sedekah ke tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-sarau ataupun di pusat-pusat membeli belah dan lain-lain.

Mengakhiri khutbah ini, umat Islam hendaklah mengambil langkah-langkah seperti berikut;

1. Umat Islam hendaklah menunaikan kewajipan zakat baik zakat fitrah maupun zakat harta dengan seikhlas hati kerana Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa bersikap sensitif, prihatin dan cakna dengan kesusahan yang dialami oleh saudara sekeliling mereka dan bersegeralah memberi bantuan atau menyalurkan maklumat tersebut kepada pihak berwajib untuk diberi bantuan nanti.
3. Berzakat bukanlah sesuatu yang berat atau menyusahkan, sebaliknya ia adalah amalan yang diberkati dan diberi kebaikan oleh Allah samada kepada si pembayar zakat maupun si penerima zakat.
4. Amalan zakat fitrah menyempurnakan ibadah puasa di Bulan Ramadan. Melalui latihan berlapar dan dahaga, kita mula memahami erti sebenar kesusahan yang dialami fakir miskin, lalu timbul kesedaran membantu mereka melalui ibadah zakat yang diwajibkan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي

كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦٦﴾

**Yang bermaksud:**“Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandung seratus biji. Dan Allah mengandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaknya. Dan Allah Maha Luas Rahmat dan Limpah KurniaNya lagi Maha Mengetahui”.

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.

